

'Tangkap dan heret pembunuh ke muka pengadilan'

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR - "Alhamdulillah, doa saya dan suami serta seluruh rakyat Malaysia buat Adib akhirnya dimakbulkan."

Itu antara luahan keluarga kepada Muhammad Adib Mohd. Kassim, 24, susulan keputusan Mahkamah Koroner semalam yang memihak kepada anggota bomba itu selepas inkuies mendapati kematian Allahyarham adalah akibat perbuatan jenayah.

Ibu Muhammad Adib, Asma Aziz, 52, berkata, keputusan itu memberi kelegaan kepadanya dan suami, Mohd. Kassim Abdul Hamid, 64, sebaik dimaklumkan oleh seorang saudara.

"Kami sebenarnya merancang untuk mengikuti prosiding mahkamah tetapi membatalkan hasrat itu kerana bimbang keputusan tidak memihak kepada arwah," kata Asma, yang



ASMA



NURUL NAJIHAH

menambah keputusan tersebut melegakan hatinya dan keluarga, namun ia tetap tidak dapat mengembalikan Allahyarham ke pangkuan keluarga.

"Walaupun lega, anak saya sudah tiada," katanya.

"Saya mahu orang yang buat (serang) Adib itu ditangkap dan diheret ke mahkamah seterusnya dihukum dengan adil mengikut peruntukan undang-undang," katanya.

Sementara itu, bekas tunang Muhammad Adib, Nurul Najihah Mohd. Radzi yang hadir di Mahkamah Koroner Shah Alam



MOHD. KASSIM menziarahi kubur Allahyarham Muhammad Adib di Tanah Perkuburan Kampung Tebengau, Kuala Kedah semalam selepas Mahkamah Koroner Shah Alam memutuskan kematian anggota bomba tersebut adalah akibat perbuatan jenayah lebih daripada dua individu yang tidak dikenal.

semalam turut melahirkan rasa syukur dengan keputusan prosiding inkuies yang memihak kepada anggota bomba itu.

INFO Kronologi kematian Adib

27 November 2018 - Anggota bomba, Muhammad Adib diserang perusuh ketika bertugas di Kuil Maha Mariamman, USJ25, pukul 1 pagi. Dia yang cedera menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi Pusat Perubatan Ramsay Sime Darby, Subang Jaya, Selangor.

28 November 2018 - Muhammad Adib yang parah dipindahkan ke Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur dan dirawat dengan bantuan mesin sokongan hayat.

28 November 2018 - Badan bertindak kuli mendakwa Muhammad Adib parah akibat kemalangan jalan raya.

17 Disember 2018 - Muhammad Adib menghembuskan nafas terakhir pada pukul 9.41 malam di IJN.

27 Disember 2018 - Kerajaan mengumumkan untuk menubuhkan inkuies bagi mengetahui punca sebenar kematian Muhammad Adib.

11 Februari 2019 - Inkuies Muhammad Adib bermula di Mahkamah Koroner Shah Alam.

27 September 2019 - Keputusan inkuies mendapati Muhammad Adib meninggal dunia akibat perbuatan jenayah.

Mahkamah Koroner putuskan anggota bomba mati dihentak Kemenangan buat Adib

Oleh TAUFIK SALIMIN

SHAHALAM - Mahkamah Koroner di sini semalam memutuskan kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd. Kassim, 24, yang terlibat insiden rusuhan di tapak Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya pada November lalu berpunca daripada perbuatan jenayah oleh dua atau lebih individu tidak dikenali.

Koroner Rofiah Mohamad membuat keputusan itu selepas meneliti dan menilai semua keterangan 30 saksi dan 187 eksibit yang dikemukakan sepanjang 41 hari inkuies di Mahkamah Koroner Shah Alam.

Rofiah ketika membacakan keputusan itu berkata, hasil keterangan saksi menunjukkan wujudnya keganasan fizikal daripada objek keras sehingga menyebabkan kecederaan pada dada anggota bomba itu.

Menurutnya, dapatan itu disokong dengan konsistensi keterangan daripada saksi-saksi awam, S.Surresh, R. Narresh dan Nasarudin Abdullah termasuk kenyataan saksi ke-29 iaitu Pakar Patologi Forensik United Kingdom, Prof. Dr. Shahrom Abd. Wahid.

"Dapatan ini dinilai selepas saksi-saksi awam melihat seperti ada pergerakan memukul, menendang dan memijak daripada kira-kira 20 hingga 30 lelaki.

"Selain itu, ada saksi terdengar menerusi perbualan dengan orang India yang memberitahu jangan pukul bomba pun nak pukul ke? dalam bahasa Tamil.

"Oleh itu, saya dapati perbuatan

memukul telah berlaku," katanya.

Tambah Rofiah, terdapat keterangan berbeza antara saksi ke-24, Pakar Forensik Hospital Kuala Lumpur, Ahmad Hafizam Hasmi dan saksi ke-29 apabila Ahmad Hafizam mendakwa Muhammad Adib keluar sendiri daripada van Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) sebelum dilanggar kuat pintu van.

Bagaimanapun, keterangan itu tidak dipersetujui Shahrom.

Shahrom memberitahu, Muhammad Adib telah ditarik dan disentak dari tempat duduk menyebabkan badan dan kepalanya terkeluar 45 darjah sebelum ada individu yang menendang pintu EMRS lalu menghentak dada Allahyarham sehingga mangsa tersepit di antara pintu dan tempat duduk.

"Sekali lagi, pintu itu ditenang dan terkena tangan mangsa sehingga luka," ujarnya.

Jelasnya, teori saksi ke-24 itu yang memberitahu Muhammad Adib terpelanting ke bahu jalan dan Allahyarham turun sendiri daripada van ditolak sepenuhnya kerana teori dikemukakan saksi ke-30 iaitu pakar Fizik, Dr. Amir Radzi Ab. Ghani tidak berpadanan dengan saksi ke-24.

Sementara itu, Rofiah memaklumkan bahawa kematian Allahyarham juga berpunca daripada kegagalan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang tidak mengawal rusuhan sehingga menyebabkan kematian Muhammad Adib.

"Adalah tidak munasabah apabila dua pasukan Unit Simpanan Persekutuan (FRU) yang lengkap bersenjata di lokasi kejadian

tetapi hanya bersiap sedia.

"Pada masa sama, kegagalan Ketua Polis Daerah Subang Jaya mengangkat telefon sehingga tindakan gagal diambil ketika kegilaan perusuh turut menyumbang kepada kematian Muhammad Adib," jelasnya.

Sehubungan itu, Rofiah menyerahkan kepada Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador dan Jabatan Peguam Negara untuk menjalankan pendakwaan sekiranya wajar.

Pada 27 November lalu, Muhammad Adib parah dalam rusuhan ketika kekecohkan di tapak Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya.

Selepas 21 hari bertarung nyawa, Allahyarham menghembus nafas terakhir pada 17 Disember di Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur.

Seramai 30 saksi dipanggil bagi memberi keterangan sepanjang inkuies yang bermula pada 11 Februari lepas.




MUHAMMAD ADIB



ROFIAH



SHAHROM



MOHD. ASRAF MOHD. KASSIM (tengah) yang merupakan abang kandung Muhammad Adib menjawab soalan pemberita ketika ditemui selepas keputusan inkuies bagi menentukan punca kematian adiknya di Mahkamah Koroner Shah Alam semalam.

INFO Kronologi keputusan inkuies semalam

7 pagi - Orang ramai dan para wartawan mula berkumpul di pekarangan Kompleks Mahkamah Shah Alam.

8.10 pagi - Ketibaan peguam yang mewakili keluarga Muhammad Adib, Yahyaya Othman.

8.40 pagi - Para pengamal media dibenarkan masuk ke dalam mahkamah untuk mendengar keputusan.

9 pagi - Bekas tunang Muhammad Adib, Nurul Najihah Mohd. Radzi turut hadir bagi mendengar keputusan.

9.10 pagi - Abang Muhammad Adib, Mohd. Asraf Mohd. Kassim yang mewakili keluarga hadir bersama peguam yang mewakili Allahyarham.

9.30 pagi - Koroner Rofiah Mohamad memulakan prosiding keputusan.

10 pagi - Keputusan inkuies diumumkan oleh Koroner Rofiah yang mana Muhammad Adib meninggal dunia akibat perbuatan jenayah.

Info Solat		28 SEPTEMBER 2019 28 MUHARAM 1441H				
	SUBUH	SYURUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
K. LUMPUR	5:46	7:01	1:07	4:15	7:09	8:18
SHAH ALAM	5:46	7:01	1:07	4:15	7:09	8:18
SEREMBAN	5:45	7:00	1:06	4:12	7:07	8:16
MELAKA	5:44	7:00	1:05	4:11	7:07	8:16
JOHOR BAHRU	5:38	6:53	12:58	4:03	7:01	8:09
IPOH	5:49	7:02	1:10	4:19	7:12	8:20
P. PINANG	5:51	7:05	1:12	4:22	7:14	8:23
ALOR SETAR	5:51	7:05	1:12	4:23	7:13	8:23
K. TERENGGANU	5:40	6:56	1:01	4:11	7:03	8:11
KOTA BHARU	5:48	7:00	1:05	4:16	7:03	8:11
KUANTAN	5:41	6:57	1:02	4:08	7:03	8:12
KANGAR	5:51	7:07	1:12	4:24	7:14	8:23
TAWAU	4:42	5:58	12:03	3:12	6:04	7:13
KOTA KINABALU	4:48	6:04	12:09	3:20	6:11	7:20
KUCHING	5:13	6:28	12:34	3:39	6:36	7:44
MIRI	4:57	6:13	12:18	3:26	6:20	7:28

*Kawasan-kawasan sewaktu dengannya